

Penyalahgunaan Ayat Al-Quran dan Hadis oleh Golongan Agnostik dalam Persoalan Akidah

Abuse of Quran Verses and Hadith by Agnostic Groups in Questions of Faith

Farah Hanie Talip

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

ffarahhaniee@gmail.com

Mohd Haidhar Kamarzaman

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

haidhar@ukm.edu.my

Mazlan Ibrahim

Pusat Kajian Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam

Universiti Kebangsaan Malaysia

43600, Bangi, Selangor, Malaysia.

mazib@ukm.edu.my

<https://doi.org/10.22452/usuluddin.vol51no1.2>

Abstract

In recent times, there has been an increasing rejection of faith and indoctrination in religion. Agnostic beliefs are among the ideologies that seek to liberate the human mind from any assumptions about God. What misleads them is when they make objections to the primary sources of reference for the Islamic community, al-Quran and hadith, which ultimately result in misunderstandings in understanding the main sources of Islam. Therefore, the purpose of this article is to study the issues of misuse of Quranic verses and hadith and the distorted interpretations by the agnostic group in matters of faith. This study uses a qualitative research design using document analysis, comparative analysis, and historical analysis approaches. The writings of the agnostic group in mass media such as articles, magazines and newspapers related to the misuse of Quranic verses and hadith in matters of faith are examined and analysed. The findings of the study reveal that the confusion and misunderstandings of the agnostic group regarding Quranic verses and hadith are caused by various factors, including an excessive reliance on logical reasoning, a lack of proper understanding of faith, misconceptions

about contextual and textual approaches, and the use of hermeneutical methods in interpreting Quranic verses and hadith.

Keywords: Abuse, Agnosticism, al-Quran and hadith, Islamic Creed, hermeneutics

Abstrak

Sejak akhir-akhir ini penolakan akidah dan indoktrinasi dalam agama semakin berleluasa. Fahaman agnosticisme adalah antara pemikiran yang berusaha membebaskan minda manusia daripada sebarang tanggapan tentang Tuhan. Pada waktu yang sama falsafah golongan ini, pada satu sisi adalah tidak menafikan kewujudan Tuhan, bahkan mereka menyatakan bahawa mengingkari ketiadaan Tuhan itu dianggap sebagai satu faham yang ketinggalan zaman. Cuma apa yang menyesatkan mereka adalah apabila mereka membuat sangkalan terhadap sumber rujukan utama umat Islam iaitu al-Quran dan hadis yang akhirnya menatijahkan kepada salah faham dalam memahami sumber rujukan utama kehidupan Muslim. Oleh itu, penulisan artikel ini bertujuan mengenal pasti serta membongkar isu penyalahgunaan ayat al-Quran dan hadis serta pentafsiran yang menyeleweng oleh golongan agnosticisme dalam persoalan akidah. Kajian ini ialah berbentuk kualitatif dengan menggunakan pendekatan analisis dokumen di mana tulisan mereka dalam media massa seperti artikel, majalah dan akhbar yang berkait dengan isu penyalahgunaan ayat al-Quran dan hadis dalam persoalan akidah dikaji dan dianalisis. Dapatkan kajian mendapati kekeliruan dan salah faham golongan agnosticisme terhadap ayat al-Quran dan hadis disebabkan oleh pelbagai faktor, antaranya penggunaan logik akal yang berlebihan, tidak mempunyai kefahaman akidah benar, salah faham terhadap pendekatan kontekstual mahupun tekstual serta penggunaan metode hermeneutik dalam menafsirkan ayat al-Quran dan hadis. Hasil dapatkan kajian ini diharapkan dapat membantu penyelidik khususnya dan umat Islam dalam memahami al-Quran dan hadis Rasulullah SAW tanpa keraguan. Dengan kata lain, masyarakat Islam tidak terperangkap dengan kesilapan yang memesongkan akidah, seterusnya dapat beramal sesuai dengan ajaran al-Quran dan al-Sunnah.

Kata kunci: Penyalahgunaan, golongan Agnosticisme, al-Quran dan hadis, akidah, hermeneutik

Pendahuluan

Kebelakangan ini, perdebatan berkait dengan agama dan ketuhanan seakan sesuatu yang tidak ada penghujung. Jika ditelusuri wacana tentang tuhan tanpa agama, atau mencari Tuhan tanpa wahyu (agama) sebenarnya telah lama dibincangkan oleh manusia.

Perdebatan intelektual dikaitkan dengan isu ketuhanan dalam dunia Islam khususnya oleh golongan tertentu telah lama berlaku. Antara golongan sesat dan menyeleweng, terdiri daripada beberapa golongan yang bertentangan iaitu Muktazilah dan Jahmiyyah yang mengutamakan penggunaan akal, manakala golongan Hasyawiyyah dan Musyabbihah Mujassimah yang menolak penggunaan akal dalam berhujah.¹ Ini terjadi disebabkan oleh ketidakfahaman dan kekeliruan yang menyebabkan iman seseorang itu terbatal dan terjerumus kepada lembah kesesatan.² Oleh sebab itu, dunia hari ini menuntut untuk mempunyai pemahaman yang jelas tentang wacana akidah bagi mengelakkan salah faham dan salah tafsir dalam agama bagi mengelakkan penyebaran berita tanpa mengesahkan tentang kebenarannya.³

Dunia hari ini, dipenuhi dengan cabaran fahaman atau ideologi liberal, bahkan pemikiran dalam beragama. Malah, mutakhir ini pemikiran agnosticisme ini kian agresif yang mana mereka terdiri daripada kalangan kumpulan yang memperjuangkan kebebasan beragama iaitu Angkatan Murtad Malaysia (AAM). Kelompok ini merupakan sebuah kumpulan ataupun komuniti bebas yang menjadi wadah kepada individu yang ingin murtad.

Takrifan agnosticisme ini berkaitan dengan penggunaan istilah *ephoce* (Yunani = perhentian) oleh kelompok skeptisme bagi memberi makna tentang penangguhan sementara dalam menilai sebuah kebenaran, kesilapan, kepercayaan, atau ketidakpercayaan terhadap sebuah idea, sehingga memperoleh makna yang lebih jelas. Selain itu, sangkalan tentang kebenaran menurut kelompok ini memberi makna bahawa mereka akan yang bebas daripada prasangka.⁴

Sehubungan itu, Huxley berpendapat bahawa masalah tersebut tidak berkait dengan isu kewujudan-Nya. Namun,

¹ Mohd. Khafidz Soroni, “Keutuhan Metodologi Ilmuwan Hadis Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Bidang Akidah” dalam *Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunnah Wal Jamaah 3.0 (Sunni 2019)*, Universiti Kebangsaan Malaysia, 21 Disember 2019, 1-11.

² Pauzi Yusoff, Mohd Fauzi Hamat & Mohamad Azrien Mohamed Adnan, “Pemikiran Tuan Minal dalam Membahaskan Aspek *Mabadi ‘Ilm Tawhid* dan *Ilah* dalam Kitab ‘Aqidah al-Najin,” *Jurnal Usuluddin* 50.2 (2022), 65-88.

³ Khadher Ahmad, “Kualiti Individu dalam Pembangunan Insan Menurut Kerangka ‘Ulūm Al-Ḥadīth: Satu Analisis.” *Jurnal Usuluddin* 47. Khas (2019), 49-72.

⁴ Faisal, “Agnostisisme Modern,” *Majalah Ilmu Pengetahuan dan Pemikiran Keagamaan Tajdid* 20.1 (2017), 22-30.

agnosticisme berusaha melihat isu ketuhanan sebagai bentuk normatif, manakala Gnostikisme, Pantheisme, Ateisme, Teisme melihatnya sebagai subjek. Perbezaan ini menjadikan agnosticisme berbeza dengan kepercayaan lain.⁵

Dalam pembahasan Kitab al-Aqaid al-Nasafiyah oleh Imam Sa'duddin al-Taftazani menjelaskan bahawa terdapat tiga jenis kelompok sopisme. Salah satu daripada sangkalan golongan yang ingkar merujuk kepada agnosticisme dengan ideologi ahli sofis yang berusaha memahami segalanya berkait dengan kebenaran sesuatu perkara atau ketidakstabilannya yang menatijahkan pengakuan yang ragu-ragu. Pendek kata, golongan ini tidak mengiktiraf perkara yang maklum yang berfungsi untuk mensabitkan perkara yang majhul. Tidak ada cara dan jalan bagi bertukar pandangan bagi golongan ini, yang dikenali sebagai *Laadriyyah*.⁶

Aliran pemikiran yang muncul pada era ini sangat berbahaya kerana berusaha menyesatkan malah menyebarkan ideologi yang menafikan kewujudan Tuhan, serta menolak syariat Islam.⁷ Lebih-lebih lagi pengaruh ideologi ini adalah bilamana mereka bebas berada di mana saja dan golongan ini terdiri daripada pelbagai pegangan agama. Malah, yang lebih menyedihkan ialah golongan ini terdiri daripada orang Islam sendiri yang tidak mempunyai pegangan akidah yang tidak kuat serta mereka ragu-ragu terhadap ajaran Islam.

Hal ini telah mencetuskan pelbagai spekulasi dalam persoalan akidah. Golongan agnosticisme melalui platform laman sesawang rasmi Angkatan Murtad Malaysia telah salah dalam memahami ayat al-Quran dan hadis. Pentafsiran ayat al-Quran dan hadis difahami secara literal dan merosakkan makna tafsiran yang sebenar. Dalam pentafsiran yang dilakukan juga, secara jelas menghina Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW. Lebih-lebih lagi, golongan ini mempertikai dan mempersoal sumber rujukan

⁵ Agi Tiara, "Konsepsi Ketuhanan Berdasarkan Paham Agnostisisme," *Kertas Kerja Diserahkan Untuk Menyelesaikan Tugasan Dalam Menyiapkan Program SMA, (2009/2010)*, 1-32.

⁶ Imam Sa'duddin Al-Taftazani, *Huraian Kitab Al-Aqaid Al-Nasafiyah* (Rawang, Selangor: Awal Nahdah Resources, 2017), 44-45.

⁷ Mohd Syukri Zainal Abidin, Nur Farah Nabihah Aznan & Faizuri Abd. Latif, "Kefahaman Pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Terhadap Sifat 20," *Jurnal Usuluddin* 50.2 (2022), 89-112.

utama umat Islam al-Quran dan hadis sebagai panduan umat Islam dahulu, kini dan selamanya. Pentafsiran yang mereka gunakan juga hanya mengikut kehendak akal dan hawa nafsu, akhirnya membawa kepada kekeliruan dan huru-hara dalam kehidupan di dunia dan di akhirat.

Dalam isu penyalahgunaan ayat al-Quran dan hadis yang ditafsirkan oleh golongan agnosticisme telah menggunakan pendekatan hermeneutik. Yang mana, pendekatan hermeneutik menurut pada asalnya merupakan sebuah metode tafsiran Bible. Pendekatan hermeneutik ini telah menjadi salah satu bidang yang penting semenjak Zaman Renaissance pada Zaman Pertengahan Eropah lagi.⁸ Dalam perkembangan metode hermeneutik ini juga telah diperluaskan dalam penafsiran teks secara umum dan tidak hanya tertumpu kepada teks yang bersifat keagamaan, malah karya sastera klasik.⁹

Dalam masa yang sama, latar belakang mengapa hermeneutik digunakan oleh ahli teologi Yahudi dan Kristian untuk memahami teks Bible dalam Encyclopaedia Britannica telah menjelaskan bahawa matlamat utama hermeneutik adalah untuk mencari “nilai kebenaran Bible”.

‘Hermeneutics, the study of the general principles of biblical interpretation. For both Jews and Christians throughout their histories, the primary purpose of hermeneutics, and of the exegetical methods employed in interpretation, has been to discover the truths and values expressed in the Bible.’¹⁰

Penilaian kebenaran bible dengan pendekatan hermeneutik bertujuan menjadi solusi kerana teks kitab suci mereka yang bermasalah.¹¹ Bagaimana mungkin, memahami al-Quran dan hadis menggunakan pendekatan hermeneutik sedangkan pendekatan

⁸ Salman Zainal Abidin & Mazlan Ibrahim, “Analisis Perbandingan Metode Hermeneutik dan Tafsir bi al-Ra’yi dalam Penafsiran al-Qur'an,” *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* 3.2 (2018), 43-59.

⁹ Salman & Mazlan, “Analisis Perbandingan Metode”, 43-59.

¹⁰ Ugi Suharto, “Apakah Al-Quran Memerlukan Hermeneutik,” *Jurnal Usuluddin* 17 (2003), 123-136.

¹¹ Ugi Suharto, Apakah Al-Quran Memerlukan Hermeneutik, 123-136.

hermeneutik itu sendiri mempunyai masalah serta dalam memberi makna pula hanya terangkum dalam lingkaran hermeneutik (*hermeneutic circle*) iaitu konsep yang digunakan oleh ahli falsafah untuk menafsirkan teks suci yang menekankan bahawa makna teks boleh didapati dalam konteks budaya, sejarah dan sastera.¹² Justeru, apabila penyalahgunaan ayat al-Quran dan hadis yang dilakukan oleh golongan agnosticisme dalam Angkatan Murtad Malaysia dengan pendekatan hermeneutik secara jelas menunjukkan bahawa isu ini ialah ancaman besar bagi akidah umat Islam dek kerana merosakkan kesucian al-Quran dan hadis sebagai sumber hukum Islam.

Jika ditelusuri, sejarah Islam membuktikan majoriti umat Islam memperakui akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah yang berpegang dengan ketetapan al-Quran dan hadis ialah akidah yang selamat. Di samping itu, di Malaysia khususnya agama Persekutuan telah mengiktiraf Ahli Sunnah Wal Jamaah sebagai pegangan keseluruhan Islam dan dijadikan panduan dalam isu permasalahan akidah.¹³ Antara peranan para ulama dalam menjaga akidah umat Islam, memetik nukilan Imam al-Syatibi menyatakan bahawa “menjaga akidah adalah sama dengan menjaga agama, iaitu dengan memberi jaminan dan peringatan dengan melaksanakan peraturan tertentu ke atas masyarakat dan individu, serta memelihara dari perkara yang boleh meruntuhkan kesucian akidah Islam”.¹⁴

Oleh yang demikian, artikel ini adalah bertujuan untuk membongkar senario semasa berhubung fenomena agnosticisme di negara ini. Artikel ini turut mengutarakan isu penyalahgunaan ayat al-Quran dan hadis dalam masalah akidah yang dicetuskan oleh golongan agnosticisme dalam Angkatan Murtad Malaysia (AMM). Demikianlah, usaha bagi mendedahkan tafsiran yang salah oleh golongan agnosticisme dalam berhujah dengan menggunakan ayat al-Quran dan hadis. Pendedahan ini perlu kerana merupakan isu yang melibatkan penghinaan Islam secara terbuka. Demikian juga

¹² Muhammad Widus Sempo & Noor Azma Mohamad Khassim, “Eksplorasi Epistemologi Hermeneutika Vs Tafsir: Kajian Perbandingan,” *Ulum Islamiyyah, The Malaysian Journal of Islamic Science* 20 (2017), 85-94.

¹³ Shakila Ahmad, Mikdar Rushdi & Rafiuddin Afkari Abdul Fattah, “Usaha Memartabatkan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Sebagai Pemangkin Kelangsungan Masyarakat Islam Madani,” *Philosophy*, (2013), 1-11.

¹⁴ Jasni Sulong, “Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis daripada Sudut Penguatkuasaan Undang-undang dan Fatwa di Pulau Pinang”, *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam*, 18 (2016), 1-34.

ini ialah usaha agar masyarakat cakna akan isu ini dan yang pasti tidak mudah terjerat dalam ideologi oleh golongan agnosticisme dalam Angkatan Murtad Malaysia.

Isu Penyalahgunaan Ayat al-Quran dan Hadis dalam Masalah Akidah.

Dalam meniti arus kemodenan ini, salah satu cabaran dalam evolusi Islam sejak dahulu lagi ialah adanya pengaruh yang berusaha memesongkan akidah umat Islam. Golongan ini semakin agresif mempertikai, menyangkal, malah menghina Islam secara terbuka mahupun tertutup. Malah, apa yang lebih membimbangkan ialah fahaman golongan agnosticisme itu jelas salah dan bercanggah dalam memahami nas-nas al-Quran dan hadis Nabi Muhammad SAW yang merupakan sumber utama umat Islam.

Lazimnya, pendekatan mengaplikasikan al-Quran dan hadis dalam akidah Sunnah Wal Jamaah merupakan akidah manhaj yang sedia untuk difahami dan selamat diterima oleh sebahagian besar umat Islam di dunia. Ini bertepatan dengan firman Allah Taala:

يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُم بُرْهَنٌ مِّنْ رَّبِّكُمْ وَأَنَزَلْنَا إِلَيْكُمْ نُورًا
مُّبِينًا

Al-Nisa 4:174

Terjemahan: Wahai sekalian umat manusia! Sesungguhnya telah datang kepada kamu bukti daripada Tuhan kamu, dan Kami pula telah menurunkan kepada kamu (al-Quran sebagai) Nur (cahaya) yang menerangi (segala apa jua yang membawa kejayaan di dunia ini dan kebahagiaan yang kekal di akhirat kelak).

Dunia hari ini menuntut setiap umat Islam mengambil inisiatif untuk menjaga akidah daripada sebarang unsur yang merosakkan. Namun, pada masa kini terlalu banyak perkara yang menggugat akidah yang berlaku akibat penyebaran fahaman melalui pelbagai anasir dari luar mahupun dalam masyarakat itu sendiri yang boleh membawa kepada syirik dan murtad. Senario hari ini bukan sahaja kerana umat Islam keliru tentang akidah mereka, tetapi kerana ada yang ingin menjadi murtad daripada

prinsip Islam. Allah SWT menjelaskan kedudukan golongan sesat di akhirat dengan lebih terperinci dalam firmanya:

يَوْمَ تَبَيَّضُ الْجُنُوبُ وَتَسْوَدُ الْجُنُوبُ فَأَمَّا الَّذِينَ اسْوَدَتْ
وُجُوهُهُمْ أَكَفَرُهُمْ بَعْدَ إِيمَانِكُمْ فَلَدُوقُوا الْعَذَابَ إِمَّا كُنْتُمْ
تَكُفُّرُونَ

Ali-Imran 3:106

Terjemahan: (Inginlah akan) hari (kiamat yang padanya) ada muka (orang-orang) menjadi putih berseri dan ada muka (orang-orang) menjadi hitam legam. Adapun orang-orang yang telah hitam legam mukanya, (mereka akan ditanya secara menempelak): Patutkah kamu kufur ingkar sesudah kamu beriman? Oleh itu rasalah azab seksa Neraka disebabkan kekufuran kamu itu.

Menurut agnosticisme, semua masalah kepercayaan adalah terkait dengan soal kebebasan beragama. Dalam masa yang sama, ajaran Islam sedia ada cuba dinilai dan ditafsirkan semula mengikut perkembangan semasa bagi memenuhi kepentingan diri sendiri. Akhirnya pemikiran skeptikal yang menyeleweng dan keterlaluan dalam soal kehidupan membawa kepada penyimpangan akidah.¹⁵

Berikut ialah tafsiran ayat al-Quran oleh golongan agnosticisme berkait dengan penyalahgunaan ayat al-Quran dalam masalah akidah. Seperti halnya, golongan ini mengingkari, mempersoalkan kesahihan dan mencemarkan kesucian al-Quran. Ini berlaku dalam pelbagai pendekatan, salah satunya adalah dengan tafsiran al-Quran yang rosak oleh golongan agnosticisme dalam isu *Ilahiyyat*, *Nubuwat*, dan *Sam'iyyat* melalui pendekatan hermeneutik.

¹⁵ Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), *Gejala Agnostik Satu Ancaman Akidah* (Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor, 2015), 12-18.

1) Isu Penyalahgunaan Ayat al-Quran oleh Golongan Agnosticisme

- a) **Isu Pertama:** Ayat al-Quran berkait dengan - *La Ikraha Fiddin* – Tiada Paksaan dalam Agama.¹⁶

لَا إِكْرَاهٌ فِي الدِّينِ قُدْ تَبَيَّنَ الرُّشْدُ مِنَ الْغَيِّ هَفَمَنْ يَكْفُرُ
بِالظَّاعُوتِ وَيُؤْمِنُ بِاللَّهِ فَقَدِ اسْتَمْسَكَ بِالْعُرْوَةِ الْوُثْقَى لَا
انْفِصَامَ لَهَا وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلَيْهِمْ

Al-Baqarah 2:256

Terjemahan: Tidak ada paksaan dalam (menganut) agama (Islam), sesungguhnya telah jelas (perbezaan) antara jalan yang benar dengan jalan yang sesat. Barang siapa ingkar kepada taghut dan beriman kepada Allah, maka sungguh dia telah berpegang (teguh) pada tali yang sangat kuat yang tidak akan putus. Allah Maha Mendengar, Maha Mengetahui.

Tafsiran Golongan Agnosticisme:

“Allah ni dah nyanyuk ke apa? Sekejap kata tiada paksaan. Sekejap kata ada paksaan. Nak kencing tu agak2 la”.¹⁷

Dalam isu tafsiran ini, golongan agnosticisme hanya mentafsirkan mengikut hawa nafsu mereka. Tafsiran ini hanya memusnahkan pegangan akidah seseorang. Malah, tafsiran yang rosak seperti ini secara terang-terangan menghina Allah SWT. Tafsiran golongan ini hanya berdasarkan logik akal dan sangat jauh

¹⁶ Angkatan Murtad Malaysia, “La Ikraha Fiddin – Tiada Paksaan dalam Agama”, diakses 18 Oktober 2022, <https://apostatesinmalaysia2020.wordpress.com/2020/12/16/la-ikraha-fiddin-tiada-paksaan-dalam-agama/#respond>.

¹⁷ Angkatan Murtad Malaysia, “La Ikraha Fiddin – Tiada Paksaan dalam Agama”.

daripada maksud asal, dan tafsiran ini mencerminkan pegangan akidah yang tidak benar serta keimanan yang lemah.

Tafsiran yang benar berkait dengan ayat ini seperti yang dapat dilihat dalam Tafsir Ibnu Kathir, Allah SWT berfirman yang bermaksud “Tidak ada paksaan untuk memasuki Islam”. Ayat ini bermaksud jangan memaksa seseorang untuk memeluk Islam. Ini kerana, dalil dan buktinya sangat jelas sehingga tidak perlu memaksa seseorang untuk memeluknya. Tetapi sesiapa yang diberi cahaya hati nuraninya, dia akan menerimanya. Sesiapa yang telah dibutakan hatinya oleh Allah SWT, pendengaran dan penglihatannya telah dikunci, maka tidak ada faedah baginya dengan paksaan dan tekanan untuk memeluk Islam.¹⁸

Manakala, dalam Kitab Tafsir al-Tabari daripada Ibnu Athiyah dalam Muhammarr (1/343), Yunus bin Abdil A’la menceritakan kepadaku, ia berkata “Ibnu Wahab memberitahukan kepadaku, ia berkata: Ya’qub bin Abdulrahman al-Zuhri memberitahukan kepadaku, ia berkata aku bertanya kepada Zaid bin Aslam tentang firman Allah SWT Tidak ada paksaan untuk memasuki agama (Islam), dia berkata Rasulullah SAW berada di Mekah selama 10 tahun tidak memaksa seorang pun untuk masuk agama Islam, namun orang-orang musyrik menolak bahkan memerangi mereka, maka Rasulullah SAW meminta izin kepada Allah untuk memerangi mereka dan Allah mengizinkannya”.¹⁹

Sementara itu, tafsiran surah Ali-Imran yang sahih dalam ayat ini menyatakan bahawa Allah SWT menolak orang yang menginginkan agama selain agama-Nya, yang tengannya kitab-kitab-Nya diturunkan dan diutuskan rasul-Nya. Peribadatan (penghambaan diri) hanya kepada Allah SWT semata-mata, tiada sekutu bagi-Nya, berserah diri baik secara sukarela atau terpaksa. Firman Allah SWT:

وَلِلّٰهِ يَسْجُدُ مَنْ فِي السَّمَاوٰتِ وَالْأَرْضِ طَوْعًا وَكَرْهًا وَظَلَّلُهُمْ

بِالْعُدُوِّ وَالْأَصَابِلِ

Al-Ra’d 13: 15

¹⁸ Abdullah Muhammad Abdulrahman Ishaq al-Sheikh, *Lubaabut Tafsiir Ibni Katsir* (Bogor: Mu-assasah Daar al-Hilaal, 2003), 515.

¹⁹ Abu Ja’far Muhammad bin Jarir al-Tabari, *Tafsir Ath-Thabari*, Penerjemah Ahsan Askan, Editor Besus Hidayat Amin, Akhmad Affandi (Jakarta: Pustaka, t.t.), 464.

Terjemahan: Dan semua sujud kepada Allah baik yang di langit maupun yang di bumi, baik dengan kemauan sendiri maupun terpaksa (dan sujud pula) bayang-bayang mereka, pada waktu pagi dan petang hari.

Apabila seorang Mukmin akan berserah diri dengan hati dan seluruh tubuhnya hanya kepada Allah SWT, sedang orang kafir berserah diri kepada Allah SWT dengan terpaksa kerana menyerahkan dirinya, kerana dia berada di bawah ketundukan, takluk, dan kekuatan yang sangat besar, ia tidak dapat melepaskan diri. Dalam hadis sahih disebutkan:

عجب ربك من قول يقادون الى الجنة في السلاسل

Terjemahan: Rabb-Mu hairan kepada kaum yang digiring ke dalam Syurga dalam keadaan terbelenggu rantai.²⁰

Jika dilihat pada pernyataan yang dipetik dari laman sesawang rasmi Angkatan Murtad Malaysia, golongan agnosticisme dalam menafsirkan ayat al-Quran di atas adalah menggunakan pendekatan hermeneutik. Dengan kata lain, pendekatan hermeneutik lazimnya membincangkan struktur perhubungan berbentuk segi tiga antara teks, pengarang teks dan pembaca atau pentafsir teks. Dalam pendekatan hermeneutik menuntut seorang penafsir dalam memahami teks bukan sahaja melihat apa yang terkandung dalam teks, tetapi sebaliknya apa yang ada di sebalik teks tersebut. Hal ini terjadi kerana, hermeneutik boleh diuraikan sebagai: pertama, menggunakan bahasa sebagai wahana untuk meluahkan fikiran. Kedua, mencuba untuk menterjemah daripada bahasa asing yang maknanya tidak jelas kepada bahasa yang boleh difahami oleh pembaca. Ketiga, pemindahan ungkapan pemikiran yang kurang jelas kemudian dijelaskan kepada ungkapan yang lebih jelas.²¹

²⁰ Abu Daud, “Sunan Abi Daud”, Tahqiq: Muhammad Muhyiddin Abu Hamid (Beirut: Maktabah al-'Asriyyah, 1983) 3:56 (Kitab al-Jihad, Bab al-Asir Yusaq, no. hadis 2677).

²¹ Arip Purkon. “Pendekatan Hermeneutika dalam Kajian Hukum Islam,” *Akhkam: Jurnal Ilmu Syariah*, 13.2 (2013), 183-192.

Manakala, golongan agnosticisme ini memberi tafsiran dan memahami bahasa al-Quran terhad secara literal kepada perkataan ‘paksaan’. Dalam isu ini, bahasa, teks dan sejarah ialah tiga komponen yang penting dalam membentuk sebuah tafsiran. Melalui ketiga-tiga komponen inilah yang digunakan sebagai menafsirkan teks yang wujud pada masa lampau dan seterusnya difahami menurut masa kini.²² Malahan, dalam pendekatan hermeneutik oleh Paul Ricoeur, beliau menyatakan bahawa manusia ialah bahasa dan bahasa merupakan syarat utama bagi semua pengalaman manusia. Beliau juga menyatakan setiap teks yang telah dibaca mempunyai kaitan dengan orang, tradisi dan kepercayaan yang kita pegang. Sesuai dengan makna hermeneutik, tafsiran golongan agnosticisme sangat berkait rapat dengannya yang secara literal hermeneutik bermaksud “memindahkan makna yang terkandung dalam konteks yang agak tertutup, tidak diketahui, sukar difahami, asing atau sukar untuk dimasukkan ke dalam konteks (bahasa) yang lebih dikenali, terbuka dan boleh difahami”. Lebih khusus lagi, hermeneutik adalah “menjelaskan apa yang tidak boleh difahami atau difahami dengan menterjemahkannya ke dalam bahasa yang boleh difahami”. Berikut adalah cara mereka dalam memberikan makna ayat tersebut dengan kefahaman mengikut logik akal semata-mata, malah tafsiran ini agak liar dan tidak merujuk kepada perbincangan para ulama.

- b) **Isu Kedua:** Ayat al-Quran berkait dengan Allah Kesunyian²³

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْأَنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونَ

Al-Zariyat 51:56

Terjemahan: Dan ingatlah aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepada ku.²⁴

²² Mubarok, Ahmad Zaki, “Pendekatan hermeneutik: Kajian terhadap pemikiran Muhammad Syahrur dalam buku al-Kitab wa al-Qur'an Qira'ah Muasirah” (Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2010), 19-46.

²³ Angkatan Murtad Malaysia, “Allah Kesunyian”, diakses 18 Oktober 2020, <https://apostatesinmalaysia2020.wordpress.com/2020/12/15/allah-kesunyian/>.

²⁴ Angkatan Murtad Malaysia, “Allah Kesunyian”.

Tafsiran Golongan Agnosticisme:

“Bila terbaca ayat ni, rasa kasihan pulak dengan allah ni. Perlu mencipta untuk disembah dan dipuji pulak. Kalau tak ada ciptaan dia, tak ada yang akan agaknya. Rasa kekosongan allah ni pulak ia! Allah tak ada kawan nak lepak2. Dia rasa sunyi, so cipta manusia dan boleh lah dia test test manusia ni kalau dia boring2, walau pun dia sudah tetapkan siapa yang akan ke syurga dan kenerhaka. Sadis jugak allah ni ya”.²⁵

Dalam tafsir Ibnu Kathir, Allah SWT berfirman “Dan tidaklah aku menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku”. Maksudnya, Aku ciptakan mereka itu dengan tujuan untuk menyuruh mereka beribadah kepada-Ku, bukan kerana Aku memerlukan mereka. Mengenai firman Allah SWT “Melainkan supaya beribadah kepada-Ku”. Ali bin Abi Thalhah meriwayatkan daripada Ibnu Abbas “Maksudnya, melainkan supaya mereka tunduk beribadah kepada-Ku, baik secara sukarela dan terpaksa. Dan itu pula yang menjadi pilihan Ibnu Jarir. Sedangkan Ibnu Juraij menyebutkan: “Yakni supaya mereka mengenal-Ku”.²⁶

Seterusnya dalam firman-Nya, “Melainkan supaya mereka beribadah kepada-Ku”. Al-Rabi bin Anas mengatakan “Maksudnya tidak lain kecuali untuk beribadah.” Al-Suddi mengemukakan “Di antara ibadah itu ada yang bermanfaat dan ada pula yang tidak bermanfaat. Allah SWT berfirman “Dan sesungguhnya, jika engkau tanyakan kepada mereka Sesiapakah yang menciptakan langit dan bumi? Tentu mereka akan menjawab Allah”.²⁷

Menurut al-Tabari, tafsiran ayat di atas, beliau menyebut “Pendapat yang paling benar tentang takwil ayat ini adalah apa yang kami petik daripada Ibnu Abbas”, iaitu, “Kami tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk berserah diri kepada Kami dan merendahkan diri kepada perintah Kami”.²⁸ Manakala, sebahagian

²⁵ Angkatan Murtad Malaysia, “Allah Kesunyian”.

²⁶ Abdullah bin Muhammad, *Lubaabut*, 7:546.

²⁷ Abdullah bin Muhammad, *Lubaabut*, 7:546.

²⁸ Al-Tabari, Muhammad bin Jarir, *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an* (Riyadh: Mu'assasah al-Risalah), 22:445.

pentafsir mentafsirkan ayat di atas dengan “kecuali agar mereka tunduk kepada-Ku dan menghinakan diri”. Sedangkan *makna* ibadah secara bahasa adalah kehinaan dan kepatuhan.²⁹

Ayat ini jelas menerangkan tujuan penciptaan manusia di muka bumi ini. Allah SWT menciptakan segala sesuatu itu ada sebabnya, dan tidak ada keraguan padanya. Allah SWT menjanjikan seorang hamba yang taat dan sentiasa menginsafi pengabdiannya atau ibadahnya kepada Allah SWT semata-mata dan istiqamah di atas jalannya, maka dia berada di atas jalan yang benar. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT:

وَإِنِّي أَعْبُدُونِي هَذَا صِرَاطٌ مُّسْتَقِيمٌ

Yasin 36: 61

Dan (Aku perintahkan): hendaklah kamu menyembahKu. Inilah jalan yang lurus.

Sebaliknya pula, tafsiran yang rosak oleh golongan ini boleh membawa seseorang kepada murtad kerana terdapat unsur yang menolak hukum dan prinsip ajaran Islam.³⁰ Menurut Sayid Sabiq dalam mentakrifkan *riddah* sebagai keluarnya seorang Muslim yang dewasa dan berakal daripada Islam kepada kekufuran dengan niat yang baik, kehendak diri sendiri dan tanpa paksaan daripada sesiapa.³¹

Lebih-lebih lagi ayat ini sangat jelas menunjukkan bahawa tujuan utama penciptaan manusia adalah untuk mengabdikan diri kepada Allah SWT dengan tauhid yang sebenar. Tafsiran golongan agnosticisme yang menyatakan bahawa Tuhan itu sunyi sangat jelas bercanggah dan salah kerana tafsiran berikut begitu liar tanpa ilmu. Sifat kesunyian yang ditimbulkan oleh golongan agnosticisme dalam Angkatan Murtad Malaysia sebenarnya apabila mereka menyamakan sifat manusia dengan sifat Allah SWT. Dalam perbincangan sifat Allah SWT, penting untuk diingat bahawa Allah SWT sama sekali tidak serupa dengan makhluk ciptaan-Nya. Tidak ada cara untuk Allah SWT menyerupai makhluk yang dijadikan-

²⁹ Al-Husain bin Mas'ud al-Bagowi, *Maalim at-Tanzil* (Riyadh: Dar al-Tayyibah), 7:381.

³⁰ Siti Zaleha Ibrahim, Nur Sarah Tajul Urus & Mohd Faisal Mohamed, “Pertukaran Agama dan Kesannya Terhadap Komuniti: Satu Sorotan Terhadap Kes-kes Murtad dan Masuk Islam di Malaysia,” *Journal of Science and Humanities*, 3, (2016), 204-213.

³¹ Sayid Sabiq, *Fiqh Sunnah* (Beirut: Dar al-Fikr, 1983), 2:450.

Nya, dan kebenaran mengenai Tuhan, Pencipta ciptaan dan seluruh alam ini dinyatakan dengan jelas dalam al-Quran. Dan yang pasti Allah SWT tidak pernah sama dengan makhluk, dan makhluk tidak sama dengan-Nya. Firman-Nya yang berbunyi:

فَاطِرُ السَّمَاوَاتِ وَالْأَرْضِ جَعَلَ لَكُم مِّنْ أَنْقُسْكُمْ آزْوَاجًا
وَمِنَ الْأَنْعَامِ آزْوَاجًا يَدْرُؤُكُمْ فِيهِ لَيْسَ كَمِثْلِهِ شَيْءٌ عَوَّهُو
السَّمِينُ الْبَصِيرُ

Al-Syura 42:11

Terjemahan: (Allah) Pencipta langit dan bumi. Dia menjadikan bagi kamu pasangan-pasangan dari jenis kamu sendiri, dan dari jenis hewan ternak pasangan-pasangan (juga). Dijadikan-Nya kamu berkembang biak dengan jalan itu. Tidak ada sesuatu pun yang serupa dengan Dia. Dan Dia Yang Maha Mendengar, Maha Melihat.

Tidak ada sesuatu pun yang mendahului kewujudan dan kebesaran-Nya, dan kewujudan Allah SWT adalah kekal abadi. Allah SWT berkehendak melakukan apa sahaja yang dikehendaki-Nya. Allah SWT Yang Maha Tinggi ialah pemilik Arasy yang mulia dan pemilik seksaan yang paling berat.

Dalam usaha mengenal Allah SWT, sebagai seorang Muslim menjadi satu kewajipan untuk mengetahui sifat yang wajib bagi-Nya. Dengan kata lain, wajib untuk mengetahui secara ijmal tentang sifat Allah SWT, dan mengimani dengan penuh yakin bahawa Allah SWT memiliki sifat kesempurnaan yang layak bagi-Nya.³² Dalam isu pengisbatan sifat wajib bagi Allah SWT yang ditonjolkan oleh golongan agnosticisme dalam Angkatan Murtad Malaysia difahami dengan melampaui batasan akal. Pada hakikatnya dalam Islam secara jelas telah menegaskan dalam membatasi akal manusia pada tahap maksima untuk mendalami sifat Allah SWT.³³ Oleh sebab itu, dalam kerangka akidah Ahli

³² Mudasir Rosder et al., *Pengajian Akidah*, Jilid 1 (Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor, 2017), 141-149.

³³ Mudasir et al., *Pengajian Akidah*, 141-149.

Sunnah Wal Jamaah dalam menyifatkan sifat kepada Allah SWT, mereka tidak menyamakan Pencipta dengan makhluk, dan tidak mengingkari sifat tersebut sehingga Allah SWT itu ialah zat yang mujarad (abstrak), yakni tanpa sifat.³⁴ Ini bertepatan dengan yang disebut oleh al-Shahrastani berkait dengan pengisbatan sifat Allah SWT:

Ahli Salaf dan Ashariyyah berpendapat bahawa Allah mengetahui dengan ilmu dan berkuasa dengan qudrat, hidup dengan hayah, mendengar dengan sam,’ melihat dengan basar, berkehendak dengan iradah dan berkata-kata dengan kalam. Menurut beliau lagi, semua sifat ini adalah sifat tambahan kepada zat Allah SWT, ia merupakan sifat yang azali dan makna yang terdapat pada zat Allah SWT. Oleh itu, hakikat ketuhanan ialah zat yang azali atau qadim kemudian disifatkan dengan sifat-sifat tersebut.

Sementara itu, berkait dengan ketaatan manusia sama ada taat atau tidak ialah kehendak manusia itu sendiri. Kerana dalam Islam, taat bermaksud mengikut segala arahan dan melaksanakannya dalam apa jua keadaan, sama ada senang atau susah, dengan mengikut kehendak atau tidak. Firman Allah SWT dalam yang berbunyi:

إِنَّمَا كَانَ قَوْلَ الْمُؤْمِنِينَ إِذَا دُعُوا إِلَى اللَّهِ وَرَسُولِهِ لِيَحْكُمُ
بَيْنَهُمْ أَن يَقُولُوا سَمِعْنَا وَأَطَعْنَا وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Al-Nur 24: 51

Terjemahan: Sesungguhnya perkataan yang diucapkan oleh orang-orang yang beriman ketika mereka diajak ke pada Kitab Allah dan Sunnah Rasulnya, supaya menjadi hakim memutuskan sesuatu di antara mereka, hanyalah mereka berkata

³⁴ Abdul Rahman Mahmood & Wan Haslan Khairuddin, “Pendekatan Syeikh Daud al-Fatani dalam Menganalisis Permasalahan Sifat Dua Puluh”, *Islamiyyat* 41.1 (2019), 99-108.

“Kami dengar dan kami taat” dan mereka itulah orang-orang yang beroleh kejayaan.

Dalam tafsiran Ibn Kathir, tafsiran ayat di atas secara ringkas menjelaskan bahawa sifat orang yang beriman yang menyambut seruan Allah SWT dan Rasul-Nya. “Iaitu, kami mendengar dan mematuhiinya”. Oleh sebab itu, Allah menggambarkan mereka sebagai orang yang beruntung, iaitu mereka yang berjaya mencapai apa yang mereka inginkan dan terselamat dari apa yang ditakuti. Allah SWT berfirman “Dan mereka adalah orang yang beruntung”.³⁵

2) Isu Penyalahgunaan Hadis Oleh Golongan Agnosticisme

Dalam isu penyalahgunaan hadis oleh golongan agnosticisme pula, mereka telah menafikan sumber rujukan kedua umat Islam dalam hadis Nabi Muhammad SAW. Mereka mempersoalkan menghina dan menafikan kelebihan Nabi Muhammad SAW yang Allah SWT berikan kepada Baginda, malah merosakkan maksud hadis dengan pelbagai isu akidah. Perkara ini berlaku secara terbuka menerusi laman web rasmi Angkatan Murtad Malaysia yang mana mereka terdiri daripada pelbagai fahaman seperti, ateis, deists, agnostik, pemikir bebas, Kristian, Hindu, Buddha dan ramai lagi.

Berikut adalah tafsiran hadis oleh golongan agnosticisme berkait dengan penyalahgunaan hadis Nabi Muhammad SAW dalam masalah akidah. Seperti halnya, golongan ini menolak autoriti sumber hukum kedua umat Islam, mempersoalkan keabsahan Nabi sebagai Pesuruh-Nya, dan penggunaan logik akal tanpa merujuk kepada perbahasan ulama berkait dengan sesebuah hadis.

a) Isu Pertama: Hadis - Muhammad Si Gedik Disengat Kala Jengking

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ عُثْمَانَ بْنِ حَكِيمٍ الْأَوَّدِيُّ، وَالْعَبَّاسُ بْنُ جَعْفَرٍ، قَالَ حَدَّثَنَا عَلَيُّ بْنُ ثَابِتٍ الدَّهَانُ، حَدَّثَنَا الْحَكْمُ

³⁵ Abdullah bin Muhammad, *Lubaabut*, 6:74.

بْنُ عَبْدِ الْمَلِكِ، عَنْ قَتَادَةَ، عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيَّبِ، عَنْ عَائِشَةَ، قَالَتْ لَدَعَتِ النَّبِيِّ - صَلَى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ - عَفْرَبٌ وَهُوَ فِي الصَّلَاةِ قَالَ "لَعَنَ اللَّهِ الْعَقْرَبَ مَا تَدَعُ الْمُصَلِّي وَعَيْرُ الْمُصَلِّي اقْتُلُوهَا فِي الْحَلَّ وَالْحَرَمِ" ³⁶

Terjemahan: Aisyah RA meriwayatkan: Rasulullah SAW disengat oleh kala jengking sewaktu dia tengah bersolat, maka Rasulullah SAW bersabda “Semoga Allah melaknat kala jengking ini, kerana ia tak kenal mangsa, sama ada ditengah-tengah solat atau tidak. Bunuhlah kala jengking sama ada berada di dalam Ihram atau tidak; di Al-Hill (di luar tanah haram) atau Al-Haram (di tanah haram, Mekah)”.³⁷

Tafsiran Hadis Golongan Agnosticisme:

Pada suatu hari apabila Muhammad tengah mendirikan solat datanglah seekor kala jengking lalu ia menyengat Muhammad. Muhammad yang gedik melenting dan terus melaknat kala jengking tersebut. Sebab itu sampai sekarang, oleh kerana dendam Muhammad, kala jengking adalah haiwan yang hukumnya sunat dibunuh. Sebab apa? Sebab Muhammad si gedik tak tahan kena sengat kala jengking. Auww!³⁸

Status hadis di atas, dikeluarkan oleh Ibnu Majah di dalam SunanNya, hadis yang ke-1246 tetapi sanadnya dhaif kerana terdapat al-Hakam bin Abdul Malik yang merupakan perawi yang

³⁶ Angkatan Murtad Malaysia, “Muhammad Si Gedik Disengat Kala Jengking”, diakses 20 Oktober 2022, <https://apostatesinmalaysia2020.wordpress.com/2020/12/31/muhammad-si-gedik-disengat-kala-jengking/>.

³⁷ Ibnu Majah, “Sunan Ibnu Majah”, Tahqiq: Muhammad Fuad Abdul Baqi (Kaherah:Dar Ihya Al-Kutub Al-‘Arabiyyah, 2016) 1:395 (Kitab Iqamat al-Salah wa al-Sunnah fiha, Bab Ma Ja’ a fi Qatli al- Hayyati wa al-Aqrabi fi al-Salah, no. hadis 1246).

³⁸ Angkatan Murtad Malaysia, “Muhammad Si Gedik”.

lemah. Walau bagaimanapun, dalam kitab Jami al-Hadith oleh Jaluddin al-Suyuti, beliau telah menyebut sanad hadis ini yang dikeluarkan oleh Ibnu Majah adalah dhaif, tetapi itu bukanlah satu-satunya riwayat yang ada. Kerana hadis ini juga turut di riwayatkan oleh perawi lain seperti Ibn Khuzaimah daripada Muhammad bin Bashir, daripada Muhammad bin Jaafar, daripada Syu'bah, daripada Qatadah dan riwayat al-Tirmizi daripada riwayat Abu Hurairah, dan hadis tersebut mencapai martabat hasan.³⁹

Seterusnya dalam hukum membunuh kala jengking menurut Ibn Munzir dan para ulama bersepakat mempunyai keharusan. Hal ini adalah disebabkan kala jengking ialah satu binatang yang sangat berbahaya malahan sengatan kala jengking yang berbisa boleh membawa maut. Bukan sahaja berbahaya, kala jengking juga disifatkan sebagai haiwan yang dikenali sebagai haiwan fasiq (haiwan perosak).⁴⁰ Ini bertepatan dalam sebuah hadis yang menyebut berkait dengan haiwan fasiq (haiwan perosak), daripada Aisyah RA, Nabi Muhammad SAW bersabda:

حَمْسٌ فَوَاسِقٌ يُفْتَلُنَّ فِي الْحَرَمِ الْفَارِثُ وَالْعَفَرُبُ وَالْحَدَّيَا
وَالْعَرَابُ وَالْكَلْبُ الْعَفُورُ

Terjemahan: Lima haiwan fasiq dan boleh dibunuh di tanah haram iaitu: tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, dan anjing gila atau ganas.⁴¹

Maka dengan itu, demi menjaga kesejahteraan hidup dalam Islam dibolehkan untuk membunuh haiwan fasiq (perosak) yang melampaui batas sehingga menjadi penyebab kemusnahan dan kerosakan serta menjadi ancaman kepada manusia. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna dibenarkan mencederakan haiwan. Islam juga mengajarkan untuk berbaik-baik dan berkasih sayang terhadap semua makhluk termasuklah haiwan sebagai makhluk ciptaan-Nya.

³⁹ Jalal al-Din al-Suyuti, "Kitab Jami al-Hadith" (Kaherah: Dar al-Fikr, 1994), 375 (no. hadis 18401).

⁴⁰ Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele & Ahmad Za'Im Sabirin, "Ancaman Kala Jengking: Analisis Berasaskan Sharh Al-Hadith," *Jurnal Pengajaran Islam* 12.2 (2019), 99-119.

⁴¹ Al-Bukhari, "Sahih Al-Bukhari" (Boulaq: al-Sultaniyyah, 1422 H), 4:129.

Daripada penyalahgunaan hadis oleh golongan agnosticisme dalam Angkatan Murtad Malaysia menunjukkan bahawa ini hanyalah ungkapan pemikiran yang berlandaskan kepada nafsu tanpa kefahaman ilmu yang benar, dan hanya kefahaman secara kontekstual tanpa melihat secara menyeluruh. Pendekatan kontekstual merupakan pendekatan yang merangkumi tiga elemen utama iaitu sejarah, sosiologi dan antropologi. Dalam pendekatan sejarah menekankan persoalan mengapa Nabi Muhammad SAW berkata demikian dan bagaimana keadaan sejarah sosiobudaya masyarakat dan politik pada masa itu. Seterusnya, pendekatan sosiologi pula menonjolkan dari sudut kedudukan manusia yang membawa kepada tingkah laku tersebut. Dan pendekatan antropologi adalah merupakan kajian saintifik tentang asal-usul manusia (perkembangan fizikal dan budaya, ciri-ciri kaum dan adat resam agama dan kepercayaan).⁴² Apabila memahami hadis dengan pendekatan kontekstual semata-mata tanpa melihat tekstual maka seperti yang ditafsirkan oleh golongan agnosticisme dalam Angkatan Murtad Malaysia, sudah pasti tafsiran hanya merosakkan makna sebenar konteks sesebuah hadis, sekali gus mereka semakin berani menzahirkan penafian terhadap Nabi Muhammad sebagai pesuruh-Nya⁴³, dan secara halus cuba menyebarkan agenda yang selalu dicetuskan oleh gerakan anti-hadis yang terkeluar dan tersasar dari asas-asas kebenaran Islam.⁴⁴

b) **Isu Kedua:** Hadis Wanita yang Bercantik Dilaknat Allah SWT

حَدَّثَنِي مُحَمَّدُ بْنُ مُقَاتِلٍ، أَخْبَرَنَا عَبْدُ اللَّهِ، أَخْبَرَنَا سُفْيَانُ،
عَنْ مَنْصُورٍ، عَنْ إِبْرَاهِيمَ، عَنْ عَلْقَمَةَ، عَنْ ابْنِ مَسْعُودٍ .
رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ . قَالَ لَعَنَ اللَّهِ الْوَاسِمَاتِ، وَالْمُسْتَوْشَمَاتِ،

⁴² Faisal Ahmad Shah, “Pendekatan Kontekstual Dalam Memahami Hadith-Hadith Rasulullah S.A.W.”, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 4 (2011), 101-120.

⁴³ Angkatan Murtad Malaysia, “Wanita yang Bercantik Dilaknat Allah”, diakses 20 Oktober 2022, <https://apostatesinmalaysia2020.wordpress.com/2020/12/30/wanita-yang-bercantik-dilaknat-allah/>.

⁴⁴ Rosni Wazir et al., “Analisis Pemahaman Golongan Antihadis di Malaysia Terhadap Hadith,” dalam *Conference: 1st Inhad Muzakarah and Muktamar on Hadith (IMAM 2016)*, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 25 April 2016, 1-21.

وَالْمُنَّصَّاتِ وَالْمُتَقْلِبَاتِ لِلْمُحْسِنِ، الْمُعَيْرَاتِ حَلْقَ اللَّهِ،
مَا لِي لَا أَعْنَ مَنْ لَعَنَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
وَهُوَ فِي كِتَابِ اللَّهِ.

Terjemahan: Ibn Mas'ud meriwayatkan: Rasulullah SAW bersabda “Allah SWT melaknat para wanita pembuat tatu dan mereka yang meminta untuk dibuatkan tatu untuknya, para wanita yang mencukur bulu keping serta wanita yang meminta untuk dibuang bulu kepingnya, para wanita yang menjarangkan gigi-gigi mereka, dan para wanita yang mengubah ciptaan Allah”.⁴⁵

Tafsiran Hadis Golongan Agnosticisme:

Allah ni takde kerja lain. Asyik melaknat orang sahaja terumata kepada kaum wanita. Wanita yang buat tatu, wanita yang cukur bulu keping, wanita yang mejarangkan gigi-giginya, wanita yang mengubah ciptaan Allah, semuanya dilaknat. Dalam hadis dan Quran wanita asyik lah menjadi mangsa laknat. Kenapa Allah benci sangat kepada kaum wanita? Itu tak boleh, ini tak boleh, semuanya haram. Islam agama yang sangat menyusahkan kepada kaum wanita. Pergi mampus la Allah.⁴⁶

Status bagi hadis ini ialah saih iaitu hadis yang ke-5943 dalam Sahih al-Bukhari.⁴⁷ Walaupun, hadis tersebut terbukti saih, tetapi golongan agnosticisme mengkritik hadis ini tanpa melalui disiplin ilmu yang betul, malah cuba menafikan bahawa nas tersebut boleh digunakan sepenuhnya. Melalui tafsiran tersebut, dapat mengetahui bahawa mereka cuba menghalalkan tindakan yang

⁴⁵ Al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari” (Boulaq: al-Sultaniyyah, 1422 H) 7:166 (Kitab al-Libas, Bab al-Mausulah, no. hadis 5943).

⁴⁶ Angkatan Murtad Malaysia, “Wanita yang Bercantik”.

⁴⁷ Al-Bukhari, “Sahih al-Bukhari”, peny, Muhammad Zahir bin Nasir al-Nasir (t.tp.: Darul Tuq al-Najah, 2001) 7:166.

dilakukan sama ada dalam politik, pendidikan, maupun gender.⁴⁸ Hakikatnya, golongan agnosticisme gagal dalam memahami kebanyakan perbincangan hadis. Dalam penulisan mereka majoritinya hanya nukilan daripada sumber yang diragui. Dalam memberi makna berkaitan hadis, mereka berpendirian sama sebagaimana golongan feminism. Perbincangan tentang hadis yang disebut hadis misoginis sentiasa menjadi sandaran kepada mereka. Namun, tanpa disedari atau tidak, ia adalah bibit permulaan untuk menyerang sumber hukum Islam yang kedua, hadis dengan wacana hadis misoginis.

Perbincangan mengenai hadis misoginis ini tercetus kerana, tindak balas golongan feminism berkaitan dengan ketidaksamaan atau ketidakadilan masyarakat tentang perbincangan hadis gender. Menurut mereka, patriarki dianggap sebagai punca segala kecenderungan misoginis (kebencian terhadap wanita) yang membincangkan teks agama yang berpihak kepada kepentingan lelaki (bias gender). Selain itu, mereka juga sentiasa mengeksploitasi Nabi Muhammad SAW sebagai justifikasi memperjuangkan hak mereka kerana Nabi Muhammad SAW tidak menyakiti wanita. Ia memberi impak yang besar kerana mereka percaya bahawa hadis ini perlu dipersoalkan dan dinilai semula berdasarkan feminism, gender dan sejarah. Hal ini menatijahkan kepada mereka untuk mencapai keadilan dan kesaksamaan gender bagi lelaki dan wanita dalam banyak perkara.⁴⁹

Dalam keadaan sedemikian, masalah memahami hadis memerlukan ketekunan dalam menuntut ilmu untuk menguasai disiplin ilmu Ulum Hadis. Ini kerana dalam Ulum Hadis terdapat pelbagai perbincangan yang menjadi alat bagi memahami hadis dalam konteks yang menyeluruh. Ia sangat penting dalam memahami hadis secara tekstual dan kontekstual. Akhirnya ia ialah satu pendekatan untuk memastikan penggunaan petikan hadis tidak disalah ertikan. Seperti yang berlaku, apabila ketika menganalisis hadis yang mengandungi perbincangan wanita.

⁴⁸ Muhammad Rikza Muqtada, “Kritik Nalar Hadis Misoginis,” *Musâwa*, 13.2, (2014), 87-98.

⁴⁹ Ade Marhamah, “Hadits Misoginis Perspektif Gender dan Feminisme”, *At-Tibyan Journal of Qur'an and Hadis Studies* (2019), 16-34.

Kesimpulan

Pembongkaran isu penggunaan ayat al-Quran dan hadis oleh golongan agnosticisme menggambarkan keadaan masyarakat semakin terancam dengan pelbagai penyebaran fahaman atau ideologi yang boleh memesangkan akidah. Jika isu ini tidak dibendung, sudah pasti ia akan mengundang lebih banyak fitnah besar terhadap Islam. Penyebaran fahaman yang menyimpang daripada akidah yang sebenar adalah untuk membawa kebinasaan dan kesesatan yang nyata. Isu ini perlu dipandang serius oleh semua lapisan masyarakat agar tidak meninggalkan kesan yang boleh merosakkan akidah umat Islam. Tanpa akidah yang benar, seseorang itu akan menjadi mangsa syak wasangka dan keraguan dan lama kelamaan menompok dan menghalangi pandangan yang benar terhadap jalan hidup Islam yang sebenar.

Justeru, penulis meletakkan harapan agar artikel ini dapat dimanfaatkan bersama khususnya kepada masyarakat bagi memberi penjelasan bahaya pemikiran agnosticisme dalam Angkatan Murtad Malaysia, manakala bagi pengkaji lain sebagai rujukan maklumat yang terkini bagi tujuan penyelidikan, dan seterusnya kepada pihak berkuasa untuk mempertingkatkan kualiti pemantauan yang ketat membendung penyebaran pemikiran yang boleh mengancam akidah melalui teknologi semasa dalam era serba canggih ini.

Rujukan

- Abd al-Rahman bin Abi Bakr, Jalal al-Din al-Suyuti. *Kitab Jami al-Hadith*. Kaherah: Dar al-Fikr, 1994.
- Abdul Rahman Mahmood & Wan Haslan Khairuddin. “Pendekatan Syeikh Daud al-Fatani dalam Menganalisis Permasalahan Sifat Dua Puluh.” *Islamiyat* 41.1 (2019): 99-108.
- Abdullah bin Muhammad bin Abdulrahman bin Ishaq al-Sheikh. *Lubaabut Tafsiir Ibnu Katsir*. Jakarta: Pustaka Imam asy-Syafii, 2003.
- Abu Abdullah Muhammad bin Ismail Al-Bukhari. *Sahih Al-Bukhari*. Boulaq: al-Sultaniyyah, 1422 H.
- Abu Abdullah Muhammad Ibnu Ismail Al-Bukhari, Muhammad Zahir bin Nasir Al-Nasir (Pentahqiq). *Sahih Al-Bukhari*. T.tp.: Darul Tuq An-Najah, 2001.

- Abu Dawud Sulayman ibn al-Ash‘ath ibn Ishaq al-Azdi al-Sijistani. *Sunan Abi Daud*. Tahqiq Muhammad Muhyiddin Abu Hamid. Beirut: Maktabah al-'Asriyyah, 1994
- Ade Marhamah. “Hadits Misoginis Perspektif Gender dan Feminisme.” *At-Tibyan Journal of Quran and Hadis Studies* 2.2 (2019): 16-34.
- Agi Tiara. “Konsepsi Ketuhanan Berdasarkan Paham Agnostisisme,” *Kertas Kerja Diserahkan Untuk Menyelesaikan Tugasan Dalam Menyiapkan Program SMA*, 2009/2010, 1-32.
- Angkatan Murtad Malaysia. Diakses 18 Oktober 2022. <https://apostatesinmalaysia2020.wordpress.com/>.
- Arip Purkon. “Pendekatan Hermeneutik dalam Kajian Hukum Islam.” *Ahkam: Jurnal Ilmu Syariah* 13.2 (2013): 183-192.
- Faisal Ahmad Shah. “Pendekatan Kontekstual dalam Memahami Hadith-Hadith Rasulullah S.A.W.” *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 4 (2011): 101-120.
- Faisal. “Agnostisisme Modern.” *Majalah Ilmu Pengetahuan Dan Pemikiran Keagamaan Tajdid*, 20.1 (2017): 22-30.
- Ibnu Majah. “Sunan Ibnu Majah”, Tahqiq: Muhammad Fuad Abdul Baqi. Kaherah:Dar Ihya Al-Kutub Al-‘Arabiyyah, 2016.
- Imam Sa'duddin Al-Taftazani. Huraian Kitab al-Aqaid al-Nasafiyyah. Rawang, Selangor: Awal Nahdah Resources, 2017.
- Al-Husain bin Mas'ud al-Bagowi. *Ma'alim at-Tanzil*. Riyadh:Dar at-Thayyibah, t.t.
- Jasni Sulong. “Pemeliharaan Akidah Islam: Analisis Daripada Sudut Pengaruh Undang-undang dan Fatwa di Pulau Pinang.” *Afkar: Jurnal Akidah & Pemikiran Islam* 18 (2016): 1-34.
- Khadher Ahmad. “Kualiti Individu dalam Pembangunan Insan Menurut Kerangka ‘Ulum al-Hadith: Satu Analisis.” *Jurnal Usuluddin* 47 (Khas) (2019): 49-72.
- Majlis Agama Islam Selangor. *Gejala Agnostik Satu Ancaman Akidah*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor, 2015.
- Mohd Farhan Md Ariffin, Khadher Ahmad, Muhammad Ikhlas Rosele & Ahmad Zaim Sabirin. “Ancaman Kala Jengking: Analisis Berasaskan Sharh Al-Hadith.” *Jurnal Pengajian Islam* 12.2 (2019): 99-119.

- Mohd Syukri Zainal Abidin, Nur Farah Nabihah Aznan & Faizuri Abd. Latif. "Kefahaman Pelajar Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya Terhadap Sifat 20." *Jurnal Usuluddin* 50.2 (2022), 89-112.
- Mohd. Khafidz Soroni, "Keutuhan Metodologi Ilmuwan Hadis Ahli Sunnah Wal Jamaah dalam Bidang Akidah". Dalam Prosiding Seminar Kebangsaan Asyairah Ahli Sunnah Wal Jamaah 3.0 (Sunni 2019), Universiti Kebangsaan Malaysia, 21 Disember 2019.
- Mubarok, Ahmad Zaki. "Pendekatan hermeneutik: Kajian terhadap pemikiran Muhammad Syahrur dalam buku al-Kitab wa al-Qur'an Qira'ah Muasirah". Disertasi Sarjana, Universiti Malaya, 2010.
- Mudasir Rosder, Uda Mohsin, Kamaruddin Salleh, Abdull Rahman Mahmood & Mohd Haidhar Kamarzaman. *Pengajian Akidah*, Jilid 1. Selangor: Jabatan Agama Islam Selangor, 2017.
- Muhammad bin Jarir al-Tabari. *Jami' al-Bayan fi Ta'wil al-Qur'an*. Riyadh: Mu'assasah al-Risalah, t.t.
- Muhammad Rikza Muqtada, "Kritik Nalar Hadis Misoginis", *Musâwa*, 13.2 (2014): 87-98.
- Muhammad Widus Sempo & Noor Azma Mohamad Khassim. "Eksplorasi Epistemologi Hermeneutika Vs Tafsir: Kajian Perbandingan." *Ulum Islamiyyah, The Malaysian Journal of Islamic Science* 20 (2017): 85-94.
- Pauzi Yusoff, Mohd Fauzi Hamat & Mohamad Azrien Mohamed Adnan. "Pemikiran Tuan Minal dalam Membahaskan Aspek *Mabadi 'Ilm Tawhid* dan *Ilah* dalam Kitab 'Aqidah al-Najin." *Jurnal Usuluddin* 50.2 (2022): 65-88.
- Rosni Wazir, Abdul Mukti Baharudin, Zaidul Amin Suffian, Mohd Norzi & Nor Asyikin Hasan. "Analisis Pemahaman Golongan Antihadis di Malaysia Terhadap Hadith". Dalam Conference: 1st Inhad Muzakarah and Muktamar on Hadith (IMAM 2016), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, 25 April 2016.
- Salman Zainal Abidin & Mazlan Ibrahim. "Analisis Perbandingan Metode Hermeneutik dan Tafsir bi al-Ra'yi dalam Penafsiran Al-Qur'an." *Al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues* 3.2 (2018): 43-59.

Sayid Sabiq. *Fiqh Sunnah*. Beirut: Dar al-Fikr, 1983.

Shakila Ahmad, Mikdar Rushdi & Rafiuddin Afkari. “Usaha Memartabatkan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah Sebagai Pemungkinan Kelangsungan Masyarakat Islam Madani.” Dalam Philosophy, Bahagian Falsafah dan Tamadun, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, USM, 2013.

Siti Zaleha Ibrahim, Nur Sarah Tajul Urus & Mohd Faisal Mohamed. “Pertukaran Agama dan Kesannya Terhadap Komuniti: Satu Sorotan Terhadap Kes-kes Murtad dan Masuk Islam di Malaysia.” *Journal of Science and Humanities* 11.3 (2016): 204-213.

Ugi Suharto. “Apakah Al-Quran Memerlukan Hermeneutik,” *Jurnal Usuluddin* 17 (2003): 123-136.